

## BANTUAN PEMBIAYAAN KERTAS PROJEK

### OBJEKTIF

- Individu :-** Membantu meringankan beban kewangan para pelajar Islam yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian dalam dan luar negara yang kurang mampu untuk menyiapkan kertas projek (Tesis) pada Tahun Akhir pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja.
- Organisasi :-** Bantuan kewangan kepada Institusi Pengajian Tinggi, pusat pengajian, institusi, persatuan, pertubuhan, atau mana-mana badan profesional bertujuan membantu dalam membuat projek kajian dan penyelidikan untuk kesejahteraan umat manusia.

### KEKERAPAN

- Individu :-** Bantuan diberi sekali sahaja.
- Organisasi :-** Bantuan ini tertakluk kepada kelulusan pihak Pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

#### Individu

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pemohon hendaklah mengikuti pengajian sepenuh masa pada peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja.
3. Tajuk Tesis hendaklah mendapat pengesahan daripada pihak Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian berkenaan.
4. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan dari majikan atau sokongan kewangan bulanan (separuh atau lebih gaji sebulan).
5. Bagi pemohon yang bekerja yang tidak menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan hendaklah mengemukakan surat rasmi daripada majikan.
6. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pengajian tesis bermula.
7. Pemohon adalah digalakkan mengemukakan satu salinan kertas projek sebagai rekod Tabung Baitulmal Sarawak.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

#### Organisasi

1. Pemohon mestilah mengemukakan rangka atau kertas kerja kajian yang hendak dibuat.
2. Permohonan dari institusi bukan Islam akan dikemukakan kepada pihak pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak untuk pertimbangan lanjut.
3. Khusus untuk institusi atau mana-mana badan profesional yang telah berdaftar sahaja.

4. Pemohon perlulah mengemukakan laporan ringkas latar belakang organisasi dan senarai ahli jawatan kuasa organisasi tersebut.
5. Pemohon adalah digalakkan untuk mengemukakan satu salinan projek kajian sebagai rekod Tabung Baitulmal Sarawak.
6. Pemohon hendaklah mengemukakan satu salinan kertas projek sebagai rekod Tabung Baitulmal Sarawak.

#### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

##### **Individu**

1. Dokumen asas.
2. Pemohon mestilah mengemukakan Borang Pengesahan Pembentangan Kertas Projek daripada pihak IPT berkenaan.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.

##### **Organisasi**

1. Surat permohonan.
2. Salinan buku akaun.

(Institusi Pengajian Tinggi, pusat pengajian, institusi, persatuan, pertubuhan)